

BAB 6

Persepsi Penghuni Terhadap Keperluan Elemen Reka Bentuk Keselamatan Kanak-kanak di Kediaman Berbilang Tingkat

*Sitiayu Zubaidah Yusuf, Muhammad Uzair Azizan, dan
Salfarina Samsudin*

6.1 PENGENALAN

Kediaman merupakan salah satu keperluan asas yang utama dalam kehidupan bagi mencapai suatu taraf hidup yang sempurna dan selesa. Kediaman bertingkat merupakan kediaman yang tidak asing lagi dalam kehidupan masa kini. Proses urbanisasi merupakan salah satu faktor yang membawa kepada perubahan corak pembangunan kediaman di bandar. Kediaman merupakan sebuah tempat atau struktur yang digunakan sebagai tempat tinggal. Terdapat banyak bangunan kediaman dibangunkan secara berbilang tingkat atau kediaman skim strata bagi memastikan keperluan kediaman adalah mencukupi terutama di kawasan berkepadatan tinggi iaitu di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Pembangunan kediaman berbilang tingkat ini merupakan satu corak pembangunan mampan yang telah diterima umum sebagai gaya hidup di kawasan bandar (Norsidi & Eves, 2011). Perkara ini berlaku ekoran daripada penawaran tanah yang semakin terhad dan permintaan yang semakin meningkat di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang

tinggi (Yeh & Yuen, 2011). Ini sekali gus memberi kesan terhadap kesejahteraan sosial di skim-skim perumahan berkenaan.

Dalam kajian ini, penekanan terhadap konsep keselamatan kanak-kanak diperlukan dengan tujuan penambahbaikan bagi kawasan kediaman berbilang tingkat. Penyelidik juga mendapati keperluan kediaman ini terkait dengan falsafah humanisme yang memberi fokus kepada perkara-perkara yang berkaitan secara langsung dengan individu, keunikan diri sendiri bagi seseorang individu dan juga kepentingan kemanusiaan terhadap individu (Sherry, 2012). Dalam falsafah humanisme, beberapa andaian telah dibuat, antaranya ialah manusia mempunyai keperluan dan keperluan asas (Yeh & Yuen, 2011). Sekiranya keperluan psikologi dan keperluan asas dapat dipenuhi sepenuhnya, maka secara tidak langsung seseorang individu itu dapat memotivasi diri untuk lebih berjaya ke peringkat yang lebih baik iaitu mencapai tahap kesempurnaan diri. Abraham Maslow dan Carl Rogers merupakan dua orang pakar dalam teori humanisme (Travers, 2001). Falsafah ini berkait rapat dengan Hierarki keperluan mengikut Maslow (1984) yang menyatakan bahawa jika keperluan psikologi tidak dipenuhi oleh individu, maka jiwa seseorang tersebut akan terganggu dan tidak tenteram (Masitah, 2011).

6.1.1 Metodologi

Analisis dalam sesuatu kajian adalah sangat penting untuk mendapatkan maklumat dan penemuan awal dari soal selidik yang telah dijalankan. Teknik penganalisan yang digunakan adalah perisian *Statistical Package for the social Sciences (SPSS)* berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh setiap responden. Hasil dapatan kajian diperjelaskan dan

dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta, rumusan dan analisis perbandingan. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada penghuni kediaman berbilang tingkat di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Pemilihan responden kajian dipilih secara rawak sekitar Kuala Lumpur. Pengagihan borang soal selidik dibahagikan mengikut kawasan yang terdiri daripada Bukit Bintang, Titiwangsa, Setiawangsa, Wangsa Maju, Sentul, Kepong, Segambut, Lembah Pantai dan Bandar Tun Razak. Seramai 328 orang responden terlibat.

Bilangan responden tertinggi adalah di kawasan Wangsa Maju iaitu sebanyak 79 orang (18.2%) dan diikuti oleh kawasan Setiawangsa iaitu 67 orang (15.4%). Responden di kawasan Titiwangsa pula adalah seramai 49 orang (11.3%), manakala kawasan Bukit Bintang dan Cheras, masing-masing seramai 48 orang (11%). 30 orang (6.9%) responden di kawasan Sentul, 27 orang (6.2%) di kawasan Segambut dan Lembah pantai telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Di kawasan Bandar Tun Razak, seramai 21 orang (4.8%) responden telah terlibat dan kawasan yang mempunyai bilangan responden paling rendah ialah Kepong iaitu 7 orang (1.6%). Jawapan yang diberikan adalah berdasarkan kepada pengalaman penghuni yang mendiami kediaman berbilang tingkat dengan ketinggian melebihi 4 tingkat.

6.2 TAHAP KESELAMATAN KANAK-KANAK DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran perspektif penghuni terhadap tahap keselamatan dan kejadian kemalangan kanak-kanak di kawasan kediaman mereka. Tahap keselamatan di dalam kajian ini melihat kepada tahap daya huni sesuatu bangunan terhadap semua peringkat umur dan